

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

9,918 kes kematian direkod sejak Januari

Putrajaya: Sejumlah 9,918 kes kematian COVID-19 direkodkan di Malaysia tahun ini sehingga semalam, berbanding 471 kes kematian COVID-19 tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah kes kematian tahun ini, sejumlah 8,615 kes (86.9 peratus) adalah kematian di hospital dan 1,303 kes (13.1 peratus) kematian sebelum tiba di hospital (BID).

Beliau berkata, sebanyak 8,081 kes (93.8 peratus) kes kematian di hospital membabitkan warga tempatan dan 819 (62.9) kes BID juga adalah warganegara, manakala baki 484 kes (37.1 peratus) bukan warganegara.

"Sebanyak 210 kes kematian dilaporkan hari ini (semalam), membabitkan 177 warganegara dan 33 kes warga asing.

"Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat COVID-19 di negara ini kepada 10,389 kes atau 0.83 peratus daripada keseluruhan kes," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham memaklumkan, angka kes positif COVID-19 di negara ini menunjukkan sedikit penurunan iaitu 19,257 kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif kepada 1,243,852 kes.

Katanya, semua negeri mencatat pertambahan dengan Selangor merekodkan 7,084 kes, Kuala Lumpur (2,450 kes), Sabah (1,255), Kedah (1,514) dan Johor (1,182).

Pulau Pinang mencatat 959 kes, Kelantan (930), Negeri Sembilan (884), Perak (774), Pahang (714), Sarawak (573), Terengganu (425), Melaka (414), Putrajaya (56), Perlis (41) dan Labuan (dua).

"Sebanyak 224,120 kes aktif dengan keboleangkitan COVID-19 dikesan di negara ini dengan 1,097 kes dirawat di unit rawatan rapi dan 575 kes memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, 18,517 kes atau 96.2 peratus adalah pesakit dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan.

Manakala 740 kes atau 3.8 peratus berada dalam kategori tiga hingga lima iaitu mempunyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen dan kritikal.

"Sebanyak 4,178 kes (21.7 peratus) daripada jumlah yang dilaporkan hari ini (semalam) mempunyai sejarah vaksinasi iaitu 1,121 kes dalam kategori satu, kategori dua (2,972 kes), kategori tiga (53), kategori empat (28) dan kategori lima (empat)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Hanya 4,178 individu direkodkan mempunyai sejarah imunisasi Covid-19

19,257 kes baharu, majoriti tak vaksin

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Data korban Covid-19 di Malaysia pada tahun ini melaporkan sebanyak 9,918 kematian direkodkan sehingga semalam berbanding 471 kes tahun lepas.

Jumlah kematian di seluruh negara akibat Covid-19 pula adalah sebanyak 10,389 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kematian pada tahun ini, sebanyak 8,615 kes merupakan kematian di hospital dan 1,303 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought in dead* (BID).

"Bagi kes kematian hari ini (semalam), sebanyak 210 kes direkodkan dengan 158 kes mempunyai sejarah penyakit," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, kes harian negara pula merekodkan sebanyak 19,257 kes termasuk 16 kes import, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,243,852 kes.

"Sebanyak 16,323 kes sembuh dilaporkan dengan jumlah kumu-



PASANGAN pengantin, Syakila Sapawi, 25, dan Muhammad Raihan Mohamad Johan, 26, melangsungkan pernikahan di Masjid Usamah bin Zaid, Wangsa Maju mengikut prosedur operasi standard Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara semalam. – AMIR KHALID

latif kes sembuh Covid-19 sebanyak 1,009,343 kes," ujarnya.

Menurutnya, pesakit sedang dirawat dan diasingkan mencecah 224,120 kes termasuk 1,097 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 575 kes me-

merlukan bantuan pernafasan.

"Daripada jumlah kes harian yang dilaporkan, sebanyak 740 kes dalam kategori tiga, empat dan lima, manakala 18,517 kes pula kategori satu dan dua.

"Secara keseluruhan, hanya

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes Baharu	19,257
Import	16
Tempatan	19,241
Pulih	16,323
Kematian	210
Masih dirawat	224,120
Jumlah kes sembuh	1,009,343
Jumlah Kematian	10,389
Jumlah kes keseluruhan	1,243,852

4,178 kes (21.7 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan mempunyai sejarah imunisasi Covid-19," jelasnya.

Mengikut status vaksinasi, Noor Hisham, sebanyak 448 kes kategori lima dilaporkan dengan

444 kes atau 99.1 peratus tiada sejarah vaksinasi, manakala 128 kes kategori empat dengan 100 kes atau 78.1 peratus tiada sejarah vaksinasi.

"Sebanyak 164 kes pula kategori tiga dengan 111 kes atau 67.7 peratus tiada sejarah vaksinasi dan 9,190 kes kategori dua dengan 6,218 kes atau 67.7 peratus tiada sejarah vaksinasi.

"Kategori satu merekodkan sebanyak 9,327 kes dengan 8,206 kes atau 88 peratus tiada sejarah vaksinasi," katanya.

Tambahnya, terdapat 36 kluster baharu dikenal pasti terdiri 18 kluster tempat kerja, 15 kluster komuniti serta masing-masing satu kluster institusi pendidikan Kementerian Pendidikan, keagamaan dan pusat tahanan.

Sementara itu, katanya, kadar kebolehhajatan pada kelmarin menunjukkan, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.09 dengan negeri yang mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Kelantan (nilai RT 1.28), diikuti oleh Sabah dan Terengganu (nilai RT 1.19) serta Perak dan Pulau Pinang (nilai RT 1.18).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kes baharu catat sedikit penurunan

Catat 19,257 kes selepas dua hari berturut-turut catat lebih 20,000 kes

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

PUTRAJAYA

Jumlah kes positif Covid-19 menurun kepada 19,257 kes pada Sabtu selepas dua hari berturut-turut merekodkan angka melepasi 20,000 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes yang direkodkan meningkat kepada 1,243,852 kes.

"Selangor terus merekodkan jumlah kes harian tertinggi mengikut negeri dengan 7,084 kes diikuti Kuala Lumpur (2,450) dan Kedah (1,514).

"Sabah mencatatkan 1,255 kes, Johor (1,182), Pulau Pinang (959), Kelantan (930), Negeri Sembilan (884), Perak (774), Pahang (714) dan Sarawak (573)," katanya menerusi hantaran di Facebook beliau pada Sabtu.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 425 kes pula dilapor-

kan di Terengganu, Melaka (414), Putrajaya (56), Perlis (41) dan Labuan (2).

Katanya, daripada jumlah kes terbaharu itu sebanyak 19,241 adalah kes tempatan manakala 16 kes import.

"Dengan pertambahan ini ia menjadikan kes aktif naik kepada 224,120 kes manakala kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) sebanyak 1,097 kes dan 575 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Kes sembuh yang dilaporkan adalah sebanyak 16,323 menjadikan kes kumulatif 1,009,343," katanya.

Jelasnya, kluster baharu pula berjumlah 36 kluster menjadikan keseluruhan kluster berjumlah 3,899 dengan 1,197 kluster aktif dan sejumlah 2,702 kluster telah tamat.

Memperincikan tentang kes kematian, Dr Noor Hisham berkata, ia melibatkan 88 kes di Selangor, Kuala Lumpur (33), Johor (28), Kedah (17), Sabah (13), Melaka (lapan), Perak (enam), Negeri Sembilan dan Kelantan (lima), Pulau Pinang (empat) serta masing-masing



DR NOOR HISHAM

satu kes di Pahang, Sarawak, dan Perlis.

"Malaysia melaporkan sebanyak 9,918 kes kematian Covid-19 pada 2021 berbanding 471 kes kematian Covid-19 pada 2020.

"Daripada jumlah kes kematian pada tahun ini (sehingga 7 Ogos 2021), sebanyak 8,615 kes kematian (86.9 peratus) merupakan kematian di hospital dan 1,303 kes kematian (13.1 peratus) brought-in dead (BID)," katanya.

Ujar beliau, sebanyak 8,081 kes (93.8 peratus) kes kematian di hospital melibatkan warganegara Malaysia.


Bagi kes kematian BID pula, katanya, sebanyak 819 kes atau 62.9 peratus melibatkan warganegara Malaysia, manakala 484 kes (37.1 peratus) lagi melibatkan bukan warganegara Malaysia.

"Bagi 7 Ogos 2021, terdapat 34 kes BID di mana 22 kes merupakan warganegara dan 12 kes bukan warganegara," katanya.

MEMENYUAI
COVID-19
APA TINDAK
KIT

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



- Kategori 1** Tanpa gejala
- Kategori 2** Gejala ringan
- Kategori 3** Jangkitan paru-paru
- Kategori 4** Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
- Kategori 5** Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPKC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 7 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,243,852	1,009,343	1,097	10,389	19,257	23,608,290

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes baharu Covid-19 menurun 19,257 dilaporkan

PUTRAJAYA: Kes baharu Covid-19 mencatatkan sedikit penurunan apabila sebanyak 19,257 kes dilaporkan semalam berbanding 20,889 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes sembuh pula dilaporkan sebanyak 16,323 kes dan 210 kematian dicatatkan.

“Sebanyak 1,097 kes dilaporkan berada di unit rawatan rapi (ICU) selain 575 orang memerlukan bantuan pernafasan dan 224,120 kes aktif,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, Selangor terus menjadi penyumbang terbesar apabila merekodkan sebanyak 7,084 kes diikuti Kuala Lumpur (2,450), Kedah (1,514), Sabah (1,255) dan Johor (1,182).

“Lapan negeri merekodkan kes tiga angka iaitu Pulau Pinang (959), Kelantan (930), Negeri Sembilan (884), Perak (774), Pahang (714), Sarawak



SEBAHAGIAN penerima vaksin berusia 18 tahun yang hadir secara "Walk In" di Pusat Pemberian Vaksin Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. - MINGGUAN/SHIDDIEQIIN ZON

(573), Terengganu (425) dan Melaka (414).

“Putrajaya pula sebanyak 56 kes dan Perlis (41) manakala Labuan (2),” katanya.

Mengenai 210 kematian, beliau berkata, sebanyak 88 kes dilaporkan berlaku di Selangor, 33 di Kuala Lumpur, Johor (28), Kedah (17), Sabah (13), Melaka (8), Perak

(6), masing-masing lima kes di Negeri Sembilan dan Kelantan, empat kes di Pulau Pinang, serta masing-masing satu kes di Pahang, Sarawak dan Perlis.

Dalam pada itu tempat kerja terus menunjukkan pertambahan kluster berkaitan Covid-19 dengan Selangor mencatatkan lapan kluster baharu sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan 36 kluster.

Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah harian, 18 kluster tempat kerja, 15 kluster komuniti manakala Kluster institusi pendidikan, keagamaan dan pusat tahanan, masing-masing satu kluster.

Kluster tempat kerja katanya, melibatkan Industri Kundang Sepertiga di Gombak (148), Industri Jalan 22 di Petaling (71), Industri Batu Tujuh Setengah di Klang (52), Industri Jalan Dua Olak di Kuala Langat (50), Industri Jalan Bangi Batu Dua Setengah di Hulu Langat (36), Industri Teknologi Subang di Petaling dan Klang (28), Changkat Asa di Hulu Selangor (21), Jalan Pasar Batu Tiga di Klang dan Kuala Selangor (12).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

'TAKE PRECAUTIONS'

HEALTH D-G: DELTA VARIANT SPREADING FAST

Follow S.O.P, stay home and get vaccinated, says Dr Noor Hisham

NOR AIN MOHAMED RADHI
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

HEALTH director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah has urged Malaysians to take the precautionary measures as the Delta variant is spreading fast in the country.

He said everyone should remain home, restrict their movement and avoid gatherings.

"Comply with all standard operating procedures (SOP), including wearing a face mask, avoiding confined and poorly ventilated spaces, and crowded places.

"Also, please get vaccinated. We rely on public health measures with strong compliance and discipline, as well as internal protection with vaccination," he said on Facebook yesterday.

His call was made ahead of the much-anticipated announcement on the easing of restrictions for fully vaccinated people.

On Thursday, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the government would announce new SOP for those who have completed their Covid-19 vaccination.

Muhyiddin said the new SOP would involve the easing of restrictions in more areas in the economic and social sectors.

Experts, however, said the government must hold back plans to relax restrictions for fully vaccinated individuals and shut down industries for at least two weeks to rein in the raging pandemic.

They believed that while loosening restrictions on those who had been fully vaccinated was the next logical step, that move should not be adopted just yet given the large number of active cases.

In the same post, Dr Noor Hisham also shared a video uploaded by Twitter account @peoplespower.

The video showed World Health Organisation Covid-19

technical lead Dr Maria Van Kerkhove, on July 7, saying Covid-19 would thrive with the emergence of variants of concern, and that the disease would spread with increased social mobility and mixing, along with inappropriate use of public health measures.

She said there were four major factors that drive Covid-19 transmissions.

"One is the virus itself. This is a dangerous virus to begin with. Now we have these virus variants that have increased transmissibility.

"Second, mixing. We know that with social mixing, the social mobility of people is increasing around the world. These events around the world drive transmission because you bring people together if the right interventions are not in place.

"Third, reduced and inappropriate use of public health and social measures. The use of these measures does not mean lockdown, but a combination of interventions at the individual level to the community level, and it covers everything from wearing face masks, physical distancing, avoiding crowded indoor spaces, and spending more time outdoors than indoors.

"Fourth, the inequitable and uneven distribution of vaccines."

She said everyone must play their part to bring transmissions down.

"The virus has a hold over us right now and we need to regain control of the virus. We have the upper hand here. Let's use the tools that we have to keep transmission down and be smart. Play it safe and do what we can do at individual-level measures. Have really strong policies that are agile, that adapt to the local situation."

Meanwhile, 19,257 new Covid-19 cases were recorded yesterday, a slight drop after the country saw more than 20,000 daily cases for two consecutive days.

The new cases brought the total number of Covid-19 cases in the country to 1,243,85, with 224,120 being active, Dr Noor Hisham said.

Selangor remained the state with the highest number of new infections at 7,084. Other states



with four-digit cases are Kuala Lumpur with 2,450 new infections, followed by Johor (1,182), Sabah (1,255) and Kedah (1,514).

Penang reported a rise in new infections at 959 cases, compared with Friday's 776, and Perlis also recorded a surge in infections from nine cases on Friday to 41 yesterday.

Kelantan continued to record three-digit cases at 930, followed by Negri Sembilan (884), Perak (774), Pahang (714), Sarawak (573), Terengganu (425) and Melaka (414).

In Putrajaya, the number of cases showed a decline from Friday's 122 to 56, while Labuan logged in two cases yesterday.

Of the total number of cases yesterday, 16 were imported while 19,241 were local transmissions, said Dr Noor Hisham.

He said Covid-19 fatalities in the country continued to rise with 210 deaths reported yesterday, bringing the toll to 10,389.

On Friday, 160 deaths were recorded. The highest number of daily fatalities on record was on Aug 4 with 257 cases.

There were 1,097 patients being treated in intensive care units, with 575 needing breathing aid.

The country also reported 16,323 recoveries yesterday, bringing the cumulative recoveries to 1,009,343.

On the Covid-19 National Immunisation Programme, a total of 23,608,290 people have been vaccinated up to yesterday. Of the total, 15.4 million people have received the first dose and 8.3 million have received both doses.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

More than 23 million doses dispensed

KUALA LUMPUR: A total of 23,608,290 doses of vaccine have been administered through the National Covid-19 Immunisation Programme, says Datuk Seri Dr Adham Baba.

The Health Minister, through an infographic shared on Twitter, said of the total, 15,350,180 doses were given to first-dose recipients and 8,258,110 doses as second dose.

"In terms of percentage, 47% of the country's population has received the first dose while 25.3% have completed both doses of the vaccination," he said.

On the daily vaccination rate, a total of 447,035 doses were administered on Friday with 187,756 of them as first dose and 259,279 for second dose recipients. — Bernama



Not taking chances: A woman donning a special face shield as she receives her second dose of Covid-19 vaccine at Ideal Convention Centre in Shah Alam. — GLENN GUAN/The Star

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

New cases by category for Aug 7

TOTAL CASES 19,257

Category 1

Asymptomatic (no symptoms)

9,327 cases - 48.4%

Category 2

Mild symptoms

9,190 cases - 47.7%

Category 3

Pneumonia (inflammation of the lungs)

164 cases - 0.9%

Category 4

Pneumonia and require oxygen

128 cases - 0.7%

Category 5

Pneumonia and need ventilator support

448 cases - 2.3%

Source: Health Ministry TheStar graphics

Total of 9,918 Covid-19 deaths in M'sia this year

PETALING JAYA: Malaysia has recorded a total of 9,918 Covid-19 deaths so far this year as compared to 471 fatalities in the whole of 2020, says Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"Of the total deaths this year (as of Aug 7), 8,615 deaths or 86.9% were at hospitals while 1,303 deaths - 13.1% - were brought in dead," he said. He said 210 people had also succumbed to Covid-19 in the last 24-hours, bringing the country's death toll to 10,389.

He said of the 19,257 new cases reported, 740 cases (3.8%) were in Categories 3, 4 and 5 while the remaining 18,517 cases (96.2%) were in Categories 1 and 2.

Category 1 means a patient is asymptomatic while a Category 2 patient has mild symptoms.

Category 3 denotes cases with pneumonia while those in Category 4 require oxygen to battle pneumonia.

Category 5 patients fall into the critical stage requiring ventilator support. Overall, only 4,178 (21.7%) of the cases reported have a vaccination history with most from Categories 1 and 2.

Of the new cases, 16 were imported cases while 19,241 were local infections.

Selangor continued to record the most cases with 7,084 new infections, followed by Kuala Lumpur with 2,450.

Three other states with more than 1,000 new cases were Kedah (1,514), Sabah (1,255) and Johor (1,182).

The number of active cases now stands at 224,120. Of the active cases, 1,097 are in intensive care units, with 575 requiring ventilator support.

Thirty-six new Covid-19 clusters were also reported, bringing the total number of active clusters to 1,197.

The cumulative number of Covid-19 cases in the country now stands at 1,243,852.

There were also 16,323 recoveries nationwide for a total of 1,009,343 recoveries to date.